

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

- 1 Malaysia terpaksa menghadapi cabaran dalaman yang tidak dapat dielakkan setelah pembentukan Malaysia tercapai. Mengapakah situasi tersebut terpaksa dilalui oleh negara kita? **Ms 116**
 - A Kewujudan pelbagai kaum
 - B Penentangan pembesar tempatan
 - C Pertindihan kuasa pusat dan negeri
 - D Kemasukan pendatang asing
- 2 Antara berikut, yang manakah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara selepas pembentukan Malaysia? **Ms 116**
 - I Persaingan politik
 - II Ancaman komunis
 - III Penentangan British
 - IV Serangan Filipina
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah? **Ms 117**
 - A Kepelbagaian etnik
 - B Amalan pertanian sara diri
 - C Bencana alam yang sering berlaku
 - D Kekurangan hasil bumi
- 4 Apakah tindakan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi penduduk di Sarawak dan Sabah pada peringkat awal pembentukan Malaysia? **Ms 117**
 - A Meningkatkan bantuan sara hidup
 - B Mempelbagaikan pertanian komersial
 - C Menggalakkan kemasukan pelabur asing
 - D Mewujudkan jawatan baru di sektor kerajaan
- 5 Mengapakah usaha untuk memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah menjadi cabaran yang besar kepada negara? **Ms 117**
 - A Ketidakstabilan politik
 - B Ketiadaan teknologi
 - C Kurang tenaga kerja mahir
 - D Keluasan negeri yang besar
- 6 Jadual berikut berkaitan perkembangan yang berlaku di Sarawak.


Tahun	Peristiwa
1966	Pengisytiharan Darurat

Mengapakah pengisytiharan tersebut dibuat? **Ms 118**

- A Krisis politik
 - B Ancaman komunis
 - C Bencana alam
 - D Rusuhan kaum
- 7 Jarak yang jauh antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah merupakan antara cabaran selepas pembentukan Malaysia. Apakah cabaran yang dimaksudkan? **Ms 118**
 - A Integrasi nasional
 - B Kawalan keselamatan
 - C Pengurusan pentadbiran
 - D Kemudahan pengangkutan terhad

6.2 Pemisahan Singapura

- 8 Rajah berikut menunjukkan faktor pemisahan Singapura dengan Malaysia. **Ms 119**



Apakah X?

- A Bantahan negara jiran
 - B Keputusan referendum
 - C Ancaman komunis
 - D Masalah perkauman
- 9 Dari sudut ekonomi, mengapakah Singapura tidak berpuashati terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga bertindak keluar daripada Persekutuan Malaysia? **Ms 119**
 - A Menolak cukai yang ditetapkan
 - B Pembatalan pemberian pinjaman
 - C Peruntukan pembangunan rendah
 - D Menjejaskan kemajuan pelabuhan
 - 10 Masalah perkauman merupakan satu faktor pemisahan Singapura dengan Malaysia. Apakah perkara yang menjadi tuntutan Singapura? **Ms 119**
 - A Kerakyatan jus soli
 - B Hak sama rata semua kaum
 - C Kedudukan yang sama semua agama
 - D Sistem pendidikan yang seragam